

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN**
JUSOH [SETIU]
TARIKH :
SOALAN :

YB Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kerajaan dalam membanteras penjualan jamu, produk kesihatan dan produk kecantikan yang mengandungi bahan terlarang yang boleh didapati dengan mudah di pasaran di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Bahagian Penguatkuasa Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia secara berterusan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti pemantauan pasaran, pemeriksaan rutin, pendakwaan, serbuan dan rampasan bagi mengawalselia penjualan produk kesihatan di Malaysia. Produk kesihatan yang tidak berdaftar atau mengandungi bahan terlarang akan dirampas dari pasaran dan tindakan mahkamah akan dikenakan ke atas penjual dan pengilang yang terlibat dalam pemasaran ubat-ubatan ini.

Sepanjang tahun 2013 pegawai-pegawai penguatkuasa farmasi di seluruh Negara melalui aktiviti serbuan, pemeriksaan premis dan

pemantauan di pintu masuk kastam telah merampas sejumlah 38,286 perkara produk kesihatan dan kecantikan yang menyalahi undang-undang bernilai RM 46.34 juta. Sepanjang tahun 2014 pula sejumlah 43,594 perkara telah dirampas dengan nilai pasaran RM 42.98 juta.

Rampasan yang dibuat adalah kerana pelbagai pelanggaran ke atas akta dan peraturan yang dikuatkuasakan seperti memiliki produk yang tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), menjual bahan racun terkawal tanpa lesen racun yang sah atau menjual produk yang dicampur racun yang merupakan kesalahan samada dibawah Akta Racun 1952 mahupun Akta Jualan Dadah 1952.

Sebanyak 958 kes kesalahan undang-undang telah didakwa di mahkamah sepanjang tahun 2013 dimana 887 kes telah didapati bersalah dengan jumlah denda keseluruhan RM 3.338 juta. Bagi tahun 2014 pula, sebanyak 927 kes telah didakwa dimahkamah dimana 839 daripadanya telah didapati bersalah dengan jumlah denda keseluruhan RM 3.045 juta.